



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

Tel : 06-233 2261 Faks : 06-233 2277

Email : [bendahari@utem.edu.my](mailto:bendahari@utem.edu.my)

---

### PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.02/10.12/3/2 ( 3 )

Rujukan Tuan (Your Ref.) :



10 Julai 2007

25 Jamadilakhir 1428

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2007

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Ayer Keroh, Melaka

*Assalamualaikum wrt. wbt.,*

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

#### **SKIM PINJAMAN KENDERAAN UTeM (PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 8/2001)**

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Dengan ini, Kaedah Pembayaran Balik Kenderaan di bawah Pekeliling Bendahari 8/2001 para 5.1.1 (untuk Skim Konvensional) dan 6.1.1 (Untuk Skim Al Bai'ithaman 'Ajlil) adalah dipinda seperti berikut:

Tempoh bayaran balik untuk kereta baru adalah tidak melebihi 96 bulan atau 8 tahun dan bagi kereta terpakai tidak melebihi 84 bulan atau 7 tahun.

Satu tatacara baru berhubung penarikan kenderaan bagi pinjaman yang tidak berbayar telah dipersetujui di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pinjaman Kenderaan Bil 3/2006. Tatacara tersebut adalah seperti di lampiran I.

Selain daripada itu, mulai 1 Julai 2006 pihak JPJ telah memperkenalkan satu sistem e-hakmilik bagi menukar hakmilik pendaftaran kenderaan. Bagi setiap pertukaran hakmilik dituntut atau pelepasan hak milik, caj akan dikenakan oleh JPJ. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Pinjaman Kenderaan telah bersetuju caj ini akan ditanggung oleh staf yang membuat pinjaman.

Untuk tujuan pembayaran caj tersebut, staf dikehendaki membuat pembayaran kepada Unit Kewangan dan Terimaan dan mengemukakan resit ke Unit Gaji & Pinjaman bagi mendapatkan surat pengesahan yang perlu diserahkan kepada JPJ untuk tujuan pendaftaran hakmilik. (Sila gunakan borang yang diberikan oleh urus setia bagi tujuan bayaran).

Sehubungan itu, bagi staf yang membuat pinjaman untuk membeli kenderaan baru, staf perlulah mendapatkan nombor enjin dan nombor chasis kenderaan dari pembekal bagi membolehkan pendaftaran secara online dapat dibuat. Kegagalan staf mendapatkan nombor enjin dan nombor chasis yang tepat akan mengakibatkan staf dikenakan caj yang lebih dan melewatkan proses pendaftaran secara online.

Berikut adalah caj yang dikenakan kepada setiap perubahan hakmilik:

RM 3.00 bagi kereta & kenderaan lain

RM 2.00 bagi motosikal

Dengan ini, Kaedah Pembayaran Balik Kenderaan di bawah Pekeliling Bendahari Bil. 8/2001 para 5.1.1 (a) (untuk Skim Konvensional) dan 6.1.1 (a) (Untuk Skim Al Bai'Bithaman 'Ajlil) adalah terbatal. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh di atas dan hendaklah dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil 8/2001.

Sekian, *Wassalam*.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'**

Yang benar,

**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail bin Hassan**  
Naib Canselor

**Y. Bhg. Prof. Dr. Abu bin Abdullah**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)